

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HKB 314 – Kesusasteraan Amerika Latin**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan. Jawab **TIGA [3]** soalan sahaja.

1. Salah satu pembaharuan yang khusus diciptakan di Amerika Latin ialah apa yang dikenali sebagai 'realisme magis.' Apakah ciri naratif ini, dan bagaimanakah ia menyumbang kepada pemahaman kita tentang perasaan dan fikiran manusia?
2. Dalam *Memories of Underdevelopment* oleh Edmundo Desnoes sastera dilihat sebagai alat untuk menyedarkan pembaca kepada keadaan hidup mereka. Huraikan bagaimana pengarang ini atau pengarang Amerika Latin lainnya mencapai tujuan ini.
3. 'Puisi Pablo Neruda atau Octavio Paz cuba melukis warna setempat dan mengungkapkan kehidupan mereka.' Berdasarkan beberapa buah sajak bincangkan pandangan ini.
4. A. Samad Said cuba menggunakan teknik naratif Amerika Latin untuk salah sebuah novelnya. Bandingkan karya A. Samad Said ini dengan sebuah karya Amerika Latin yang agak dekat bentuk dan gayanya.

5. Apakah ciri-ciri penting pengarang zaman yang disebut sebagai 'Boom.'? Berikan bukti-bukti yang konkrit untuk menyokong pendapat anda.
  
6. 'Di sebalik teknik yang agak eksperimental masih terdapat juga kenyataan sejarah yang diungkapkan dalam karya-karya Amerika Tengah dan Selatan.' Bincangkan pandangan ini dengan merujuk kepada karya-karya yang sesuai.

--oo000oo--